



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI

16 Oktober 2022
Rabiulawal 1444H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	• Sungai Rui lubuk utamai ikan long
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		18		
							16/10/21		

Sungai Rui lubuk utama ikan loma



SALAH seorang penduduk kampung menunjukkan seekor ikan loma yang berjaya disaiki di Sungai Rui Gerik, Perak
ZULFACHRI ZULKIFL



Oleh MOHAMAD HAFIZI MOHD. SAID

DIKENALI sebagai ikan loma, ikan sungai ini cukup terkenal dengan keunikannya apabila dijadikan ikan pekasam atau digoreng bersama kunyit dan garam sehingga garing.

Malah, pekasam ikan loma ini merupakan antara menu yang wajib anda cuba sekiranya ke Gerik mahupun Lenggong, Perak. Tambah menarik, anda boleh membawa pulang sebagai cenderahati.

Namun, tidak ramai tahu di sebalik keenakan ikan pekasam ini, terdapat sebatang sungai yang menjadi tumpuan penduduk di Gerik untuk menangkap ikan loma apabila tiba musimnya.

Kehadiran ikan itu dengan banyaknya bermula Ogos sehingga November setiap tahun di Sungai Rui sentiasa dinantikan penduduk sekitar Gerik kerana suasana menangkap ikan berkenaan begitu meriah dengan orang ramai berdiri di sepanjang tebing sungai bersama penyauk.

Ada penduduk yang turun seawal pagi dan pulang lewat petang hanya semata-mata ingin menyauk ikan loma untuk dijadikan pekasam dan menjualnya.

Difahamkan, aktiviti menyauk ikan

kerana itu merupakan antara punca rezeki dan sumber makanan mereka.

Dia yang menetap di Kampung Bersia Lama, Gerik berkata, saban tahun, ikan loma akan mudik dari Sungai Perak memasuki Sungai Rui sebelum berenang ke hulu untuk bertelur bermula Ogos hingga November.

Menurut Mohd. Termizi, sejak puluhan tahun lalu, ikan loma dikatakan hanya akan bertelur di hulu Sungai Rui sebelum kembali ke Sungai Perak.

"Orang dulu-dulu ada beritahu ada lubuk sungai di kaki Gunung Mas di

Kampung Malai yang menjadi lokasi ikan loma ini bermain dan bertelur sebelum kembali ke Sungai Perak.

"Jadi, sebab itu ikan loma paling banyak di Sungai Rui setiap bulan Ogos hingga November kerana ikan-ikan ini mudik naik ke atas untuk bertelur," katanya.

Tambahnya, kebiasaannya ikan loma akan ditangkap menggunakan penyauk yang diperbuat menggunakan jaring halus bersama galah panjang di mana orang ramai akan berdiri di tebing sungai tanpa perlu turun ke dalam sungai.

"Nak menyauk ikan loma ini

SELEPAS ikan-ikan loma berjaya ditangkap, ikan tersebut disiang beramal-ramal oleh penduduk-penduduk kampung berhampiran Sungai Rui.



EKSTRA IKAN LOMA

Ikan loma (*Thynnichthys thynnoides*) merupakan ikan air tawar yang terdapat di dalam beberapa batang sungai di Malay dan boleh ditemui dengan banyak di Sungai Perak.

Ikan ini selalunya bergerak dalam kumpulan yang besar.

Ikan ini juga boleh ditemui di tasik dan lombong dengan diet atau makanan utamanya daripada jenis plankton dan tumbuh-tumbuhan air.